

Oleh **Dr Aminudin Mansor**



## Jangan isi minda dengan maklumat negatif

**U**mum selalu memikirkan semua bahan bacaan akan menambah ilmu pengetahuan. Memang membaca itu kunci kepada segala ilmu pengetahuan. Bagaimanapun, dalam era globalisasi dan langit terbuka, segala-galanya dapat dibaca dengan mudah. Bahan bacaan bukan sahaja daripada buku, majalah, komik dan juga Internet yang memaparkan pelbagai bahan untuk dibaca.

Bagi kanak-kanak yang sedang membesar dan tidak pandai menapis apa yang baik dan buruk, bahan bacaan negatif boleh menjadi racun kepada fikiran mereka. Sebagai contoh, bahan berunsur seks, porno, seram dan ganas dapat memperdaya fikiran agar mereka ketagih dan minat ke arah itu.

Tidak lama dulu, Kementerian Penerangan Malaysia pernah mengharamkan unsur seks, seram dan ganas dalam tayangan filem. Tetapi itu dulu, sekarang di bawah langit terbuka dan era globalisasi, semuanya terbuka luas untuk dipertontonkan.

Kajian ahli psikologi mendapati, kanak-kanak mudah terpengaruh dengan unsur seks, ganas dan seram terutama mereka di bawah umur sembilan hingga 14 tahun. Dedahkan kepada mereka buku yang memaparkan kebaikan dan kejayaan dalam kehidupan. Jangan terlalu mendedahkan pembacaan melalui Internet yang boleh mengkhayalkan dan mengasyikkan hingga lupa pada pelajaran.

Sebagai contoh, tokoh Barat, John Lyly mengatakan, sewaktu anak masih muda, ajarkan mereka kebaikan dan kejayaan. Haim Ginott menjelaskan, apabila anda mengharapkan anak menjadi baik, biarkan mereka mendengar dan melihat perkara yang baik serta ceritakan hal yang baik mengenai mereka kepada orang lain.

Begitulah juga bahan bacaan di pasaran yang mudah didapati seperti komik luar negara yang tidak memaparkan budaya bangsa. Buku atau majalah berkaitan penyanyi dan pelakon luar negara yang memaparkan gaya seksi dan mengghairahkan.

Terdapat pelbagai permainan dalam Internet menjadi daya tarikan anak di bawah umur yang memaparkan unsur seks, ganas dan seram tanpa kawalan di kafe siber atau melalui gajet.

Bahan ini tandus nilai murni dan budaya serta kesopanan. Pemaparan unsur ganas, seram, mengasyikkan dan penuh imaginasi boleh memesongkan aki-

dah Islamiah. Pemantauan pihak berkuasa sewajarnya dilakukan di pusat Internet dan kafe siber yang menyewakan permainan seumpama ini. Bahan bacaan berunsur sastera dan ilmiah kurang mendapat perhatian dalam kalangan kanak-kanak dan remaja.

Menurut kajian, semua ini menjadikan remaja ketagih untuk membaca dan bermain permainan yang mencabar minda mereka. Mereka lupa dan tidak berminat membaca bahan bacaan berkaitan pelajaran di sekolah.

Minda dan akal fikiran mereka terganggu oleh adegan ganas dan seks yang dipaparkan dalam bahan bacaan dan permainan di Internet. Kini buku sudah memasuki fasa baharu dengan e-book dan majalah secara dalam talian.

Pandangan Rene Descartes, membaca semua buku yang baik samalah seperti berhubung semula dengan orang-orang yang terbaik dari masa lampau. Menurut Martin F Tupper, buku yang baik adalah kawan yang baik, hari ini dan selama-lamanya. Sementara menurut Mark Twain, orang

yang tidak membaca buku yang baik tidak mempunyai apa-apa kelebihan ke atas orang yang tidak boleh membacanya. Oleh itu, memilih buku yang baik sangat penting kepada kanak-kanak dan remaja.

Begitulah pentingnya peranan buku dalam mengisi minda dan akal budi anak di peringkat remaja. Pemilihan buku yang baik biasanya terdapat di perpustakaan awam dan Pusat Sumber Sekolah. Buku di sini melalui penyaringan rapi oleh pegawai perpustakaan yang berpengalaman.

Oleh itu, sebagai ibu bapa, waspada apa yang dibaca anak dan juga permainan komputer yang menjadi mainan kegemarannya. Sebagai ibu bapa, penapisan boleh dilakukan di rumah dan di luar rumah. Sementara sebagai guru yang bijaksana, mereka mampu menapis bahan tersebut yang memang dilarang dibawa ke sekolah yang hukumannya boleh digantung sekolah.

Jika dahulu buku dan bahan bacaan boleh mempengaruhi gaya hidup dan masa depan pelajar. Sementara pada masa kini, bahan permainan terutama permainan komputer sangat mempengaruhi gaya hidup mereka yang hanya inginkan keseronokan, kebebasan dan hiburan semata-mata.

### **FAKTA**

*Buku yang baik adalah kawan yang baik, hari ini dan selama-lamanya*